


5H4M HANOI + SAPA + MT FANSIPAN



FESTIVE TRAVELS SDN BHD

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL



GUNUNG FANSIPAN BOLEH DILAWATI DENGAN
MENAIKI KERETA KABEL KE PUNCAK TERTINGGI
INDOCHINA INI DALAM MASA 15 MINIT SAHAJA.

5H4M HANOI + SAPA + MT FANSIPAN

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL



HARI 01 | KUALA LUMPUR - HANOI

MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Hanoi.

Tiba di **Hanoi**:

- Menikmati panorama pusat bandar Hanoi yang bersejarah iaitu **Opera House, Hoan Kiem Lake, The Huc Bridge** dan **O Quan Chuong Gate**.
- **Old Quarter (36 Ancient Streets)**: Jalan bersejarah yang menjual pelbagai kraftangan tempatan. Setiap jalan di sini menjual produk unik yang berbeza dengan kedai dari jalan yang lain.
- Membeli belah di **Dong Xuan Colorful Market**: Ditubuhkan sejak tahun 1889, bangunan dengan gaya seni bina Soviet ini juga adalah pasar tertutup yang terbesar di Hanoi. Antara barangan lain yang dijual di sini adalah buah-buahan segar, aksesori, pakaian, barangan elektronik dan perkakasan rumah.
- Bersolat di **Al-Noor Mosque Hanoi** yang merupakan satu-satunya masjid yang ada di Hanoi.

Bermalam di **Hanoi**.

HARI 02 | HANOI - SAPA

SP/MT/MM

Bertolak ke Sapa.

Lawatan di **Sapa**:

Aktiviti Tambahan:

- **Alpine Coaster Sapa**: Pengalaman meluncur di lorong gunung dengan pemandangan alam semula jadi di Sapa.
- **Rainbow Slide**: Gelongsor berwarna-warni yang menyeronokkan berlatarbelakangkan pemandangan pergunungan.

- **Moana Cafe Sapa** yang menyediakan pemandangan gunung yang indah serta menjadi kawasan terkenal untuk mendapatkan fotografi terbaik di sini.

- Masa bebas untuk berfoto di **Sapa Square** dan **Sun Plaza**.

Bermalam di **Sapa**.

HARI 03 | SUN WORLD FANSIPAN MT FANSIPAN - CAT CAT VILLAGE

SP/MT/MM

Melawat ke gunung terkenal Vietnam iaitu **Mt. Fansipan**.

- **Mt. Fansipan** berketinggian 3,143 meter, puncak tertinggi Indochina ini boleh ditakluk dalam masa 10 – 12 jam oleh para pendaki gunung yang handal. Di sini juga anda dapat menikmati keajaiban flora dengan lebih daripada 1,600 spesis tumbuhan yang unik.
- Peserta akan menaiki kereta kabel dua hala dalam perjalanan selama 15 minit, kemudian menaiki keretapi untuk sampai ke puncak **Mt. Fansipan**.
- Melawat ke **Cat Cat Village**. Perkampungan tradisional ini wujud sejak abad ke-19 semasa ramai keluarga berketurunan Hmong dan Red Dao berpindah ke utara Vietnam. Anda juga dapat menemui beberapa rumah terbuka yang digelar sebagai rumah pameran yang mempamerkan peninggalan budaya yang penting buat etnik-etnik tempatan di Cat Cat.
- Teruskan perjalanan untuk melihat keindahan **Cat Cat Waterfall**.

Penutupan Cable Car dan Train Funikular Nov - Jan 2026

Sun World Fansipan Legend Cable Car akan menutup sementara operasi sistem kereta kabel dan kereta api funikular bagi tujuan penyelenggaraan serta penambahbaikan perkhidmatan dan pengalaman pengunjung dan akan digantikan dengan lawatan di bawah:

- **Glass Bridge Sapa** iaitu jambatan kaca yang unik terletak di puncak Gunung O Quy Ho. Pengunjung boleh merasai pengalaman berjalan di atas lantai kaca yang jernih ini sambil menikmati pemandangan gunung dan lembah yang menakjubkan, seolah-olah berjalan di awan.

**Tarikh penutupan tertakluk kepada Sun World Fansipan*

HARI 04 | SAPA - HANOI

SP/MT/MM

Bertolak ke **Hanoi**.

- Membeli belah di **Old Quarter** yang terletak di Ta Hien Street.

Bermalam di **Hanoi**.

HARI 05 | HANOI - KUALA LUMPUR

SP

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

PERTUKARAN MATA WANG



VIETNAM DONG
VND 100,000 = RM 20



PERBEZAAN WAKTU

Vietnam: GMT+7 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - September



Musim Luruh:

Okt - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei

SAPA MT. FANSIPAN



1.



KERETA KABEL MT FANSIPAN

Peserta akan menaiki kereta kabel dua hala dalam perjalanan selama 15 minit, kemudian menaiki keretapi untuk sampai ke puncak Mt.Fansipan.

2.



SUN PLAZA

Bangunan ikonik di tengah bandar Sapa yang menggabungkan pusat membeli-belah, hotel dan stesen kereta kabel Fansipan.

3.



OPERA HOUSE HANOI

Panggung Opera Hanoi ialah teater terbesar di Vietnam, yang juga dianggap sebagai mercu tanda sejarah dan seni bina serta tarikan di Hanoi.

4.



NIGHT MARKET OLD QUARTER

Masa bebas untuk membeli belah di Night Market Old Quarter yang terletak di Ta Hien Street.

Hotel Penginapan 3 * Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Hanoi	2 Mlm
Sapa	2 Mlm

Jadual Penerbangan

HARI	PESAWAT <i>malaysia</i>	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 752	KUL - HAN	0930	1200
5	MH 753	HAN - KUL	1300	1740

HARI	PESAWAT <i>AirAsia</i>	SEKTOR	ETD	ETA
1	AK 512	KUL - HAN	0610	0825
5	AK 513	HAN - KUL	1530	1950

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes)
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara
- Kereta kabel (2 hala) dan keretapi (1 hala) ke puncak Fansipan
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesai
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang profesional
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porteri
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk